

03 OCT 1996

Mahathir - Perhimpunan

DR MAHATHIR GEMBIRA DENGAN KEJAYAAN PERHIMPUNAN PENYATUAN MELAYU

KOTA BAHARU, 3 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad gembira dengan kejayaan Perhimpunan Penyatuan Melayu yang menarik perhatian puluhan ribuan rakyat di negeri ini termasuk kaum bukan Melayu.

"Pada mulanya saya tidak yakin, apabila berbincang dengan (Datuk) Annuar Musa yang menjangka kira-kira 25,000 orang akan hadir tetapi Alhamdulillah yang hadirnya ramai", katanya pada majlis makan malam di sini.

Adalah dianggarkan 50,000 orang menghadiri perhimpunan anjuran bersama Parti Melayu Semangat 46 (S46) dan UMNO itu di padang Sekolah Kebangsaan Padang Garong I di sini pada petang tadi. Perhimpunan itu dianggap sebagai pembuka tirai kepada pembubaran S46 dan penyertaan beramai-ramai pemimpin serta anggotanya ke dalam UMNO tidak lama lagi.

Yang turut hadir pada jamuan anjuran Barisan Nasional itu ialah Presiden S46 Tengku Razaleigh Hamzah, Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Mustapa Mohamed dan pemimpin parti-parti komponen BN serta anggota majlis tertinggi S46.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Kelantan berkata perhimpunan itu mempunyai keistimewaan kerana ia bukan sahaja dihadiri oleh anggota kedua-dua buah parti itu tetapi juga anggota parti-parti komponen BN seperti Gerakan, MIC dan MCA Kelantan.

Keadaan seperti itu tidak berlaku di negara-negara lain di mana apabila sesuatu kaum mengadakan perjumpaan, kaum lain tidak berani untuk menghadirinya, jelasnya.

Perdana Menteri berkata keadaan itu sepatutnya menimbulkan keinsafan kepada rakyat di negara ini di mana rakyat pelbagai kaum dapat hidup bersama tanpa rasa takut atau curiga antara satu sama lain.

Beliau juga berkata perpaduan umat Islam di negara ini amat penting kerana ia boleh membantu usaha menonjolkan Islam sebagai agama yang mengamalkan kesederhanaan.

"Kita perlu buktikan kepada dunia bahawa Islam sebuah agama yang rasional yang tidak pernah berniat untuk menganiayai sesiapa agar tanggapan salah golongan tertentu yang menganggap Islam agama ekstremis dapat dipatahkan", tambahnya.

Sehubungan itu, beliau mengingatkan sesetengah umat Islam agar menghentikan tanggapan bahawa mereka adalah lebih Islam daripada orang Islam yang lain agar rakyat negara ini dapat terus hidup dalam suasana muhibah dan aman.

Menyentuh usaha penyatuan S46-UMNO, Dr Mahathir berkata dalam politik "kita tidak ada musuh dan kawan yang kekal" tetapi yang pentingnya ialah perjuangan yang ikhlas untuk menuju kejayaan bersama.-- BERNAMA

NH AM